

21 DISEMBER 2017

Kaji semula strategi perangi dadah

HARIAN METRO
Kuala Lumpur

Kaji semula strategi perangi dadah

Kerajaan perlu mengkaji semula langkah yang diambil untuk memerangi dadah apabila ia dikaitkan dengan isu sosial dan keselamatan negara.

Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Tan Sri Lee Lam Thye berkata, sasaran menjadikan Malaysia bebas dadah pada 2015 dilihat tidak berjaya, malah kerajaan menghabiskan ratusan juta ringgit.

"Bukan saja ancaman berupa dadah tradisional seperti heroin dan morfin, pihak berkuasa berusaha memerangi penyalahgunaan dadah jenis perangsang amfetamin (ATS) atau sintetik.

"Kebanjiran dadah sintetik seperti methamphetamine, ecstasy dan syabu menunjukkan sindiket dadah semakin kreatif bagi menarik lebih ramai pengguna baru," katanya yang merujuk kepada pengakuan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Perhimpunan Agung Tahunan ke-42 Pemadam.